

## KEKHILAFAN MENERAPKAN MAQASID SYARI‘AH DALAM PENGELUARAN FATWA: ANALISIS IJTIHAD MAQASIDI

### *Arguments In Applying Maqasid Syari‘ah In The Fatwa Issuance: An Ijtihad Maqasidi Analysis*

Muhammad Mustaqim Roslan<sup>1a\*</sup> dan Anwar Osman Zainuri<sup>2b</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,  
33000 Kuala Kangsar, Perak, MALAYSIA

E-mel: [muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)

<sup>b</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,  
E-mel: [anwar.osmanzainuri@usas.edu.my](mailto:anwar.osmanzainuri@usas.edu.my)

\*Corresponding Author: [muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)

Received: 25 July 2022

Accepted: 09 December 2022

Published: 15 January 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Ijtihad Maqasidi ialah penerapan maqasid syari‘ah dalam semua proses hal ehwal ijtihad untuk mendapatkan hukum-hakam yang harmoni demi menjaga lima prinsip asasnya iaitu agama, jiwa, akal, keturunan mahupun harta serta menolak segala kerosakan. Namun begitu, sesuatu fatwa akan terkesan apabila berlakunya kekhilafan dalam menerapkan maqasid syari‘ah. Oleh yang demikian, kajian ini mengetengahkan objektif utama iaitu mengenal pasti kekhilafan menerapkan maqasid syari‘ah dalam pengeluaran fatwa. Falsafah di sebalik kajian ini ialah interpretif dan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasikan reka bentuk kajian. Kaedah pengumpulan dan analisis data ialah analisis kandungan dokumen dengan menganalisis sampel utama daripada peruntukan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ia dijadikan sebagai data primer dalam kajian ini kerana data tersebut adalah daripada sumber langsung, berautoriti dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pandangan atau pendapat</i></p>	<p><i>Ijtihad Maqasidi is the application of maqasid syari‘ah in all processes of ijtihad matters to obtain coherent laws in order to maintain its five basic principles; namely religion, life, reason, descent and property while preventing harm. However, a fatwa will be affected when there is an argument in applying the maqasid syari‘ah. Therefore, the main objective of this article is to identify the arguments in applying maqasid syari‘ah in the fatwa issuance. The article uses interpretive and qualitative approaches in adapting the study framework. The method of data collection and analysis is document content analysis by analyzing the main samples from the provisions in the Quran and Sunnah. It is used as the primary data in this study because the data is from a direct authoritative source, not influenced by any individual views or opinions. In addition, the secondary data for this study are discussions found in books of tafsir, academic books, journals and past scholarly studies. The study found that the process of ijtihad through the understanding</i></p>

<p><i>individu. Selain itu juga, data sekunder bagi kajian ini ialah perbahasan yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir, buku-buku akademik, jurnal dan kajian ilmiah lepas digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa proses ijtihad melalui pemahaman nas sahaja tanpa saduran maqasid syari'ah dan proses ijtihad melalui saduran maqasid syari'ah yang berlebihan daripada pemahaman nas merupakan antara kaedah ijtihad yang perlu diawasi. Oleh yang demikian, pihak-pihak berautoriti perlu sentiasa berhati-hati dalam memahami nas syarak agar pengeluaran fatwa yang dilakukan adalah lebih harmoni berkonsepkan Ijtihad Maqasidi.</i></p>	<p><i>of the text alone without maqasid syari'ah and the one with excessive maqasid syari'ah from the understanding of the text is one of the conflicts of Ijtihad Maqasidi that needs to be cautious of. Therefore, the ones responsible must always be cautious in understanding the Islamic text so that the issuance of fatwas is more corresponding with the concept of Ijtihad Maqasidi.</i></p>
<p><b>Kata kunci:</b> Fatwa, ijtihad, khilaf, Maqasid Syariah, penerapan</p>	<p><b>Keywords:</b> Fatwa, ijtihad, khilaf, Maqasid Syariah, application</p>

## 1. PENDAHULUAN

Sebagai seorang mujtahid yang mempunyai autoriti dalam melakukan proses istinbat dan pengeluaran hukum, mereka tidak akan terlepas daripada teori-teori ijtihad yang akan mereka aplikasikan dalam hal-ehwal berfatwa. Sekiranya teori mahupun langkah ijtihad itu sedikit berbeza dengan para mujtahid yang lain, maka kesannya akan tetap terpalit walaupun hanya perbezaan dalam menggunakan sumber istinbatnya sahaja. Apatah lagi sekiranya mereka itu berbeza terus dalam penggunaan kaedah terhadap pengeluaran hukum-hakam. Para mujtahid masing-masing mempunyai teori tersendiri dalam berijtihad. Sekiranya mereka berbeza dalam sumber asas dan teori ijtihad, maka berbezalah hukum-hakam yang dikeluarkan oleh mereka. Yang pastinya, mereka tidak boleh terkeluar daripada konsep-konsep asas ijtihad. Sekiranya tersasar, maka barangkali akidah mereka juga turut memberikan kesan.

Sebagai contohnya apabila seseorang mujtahid itu berijtihad dalam hal ehwal nas yang telah qat'i di dalam al-Quran dan al-Sunnah seperti hukum solat dan berpuasa. Apabila sesuatu nas itu telah kekal dan tetap secara qat'i di dalam al-Quran dan al-Sunnah, mana mungkin pintu ijtihad itu terbuka ke atasnya. Jika tidak, proses ijtihad akan tersasar jauh dari medan dan landasannya. Ijtihad membolehkan syariat memenuhi keperluan-keperluan dan perubahan-perubahan semasa kehidupan yang memerlukan kepada

penyelesaian yang sepatutnya. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa terdapat perkara-perkara yang tidak dibenarkan berijtihad, iaitu perkara yang bersifat kekal dan tidak boleh diubah yang dikenali sebagai perkara thawabit (tetap) dalam agama, seperti akidah ketuhanan, prinsip-prinsip asas hukum dan sebagainya (Mansor Sulaiman et.al 2016).

Namun begitu, sekiranya terdapat perkara-perkara yang boleh berijtihad, pengetahuan terhadap penerapan maqasid syari'ah juga perlulah di hadam dengan baik agar pengeluaran hukum yang diperoleh adalah benar-benar berada di atas landasannya yang sebenar. Kekhilafan dalam menerapkan maqasid ketika berijtihad akan mengundang perdebatan sekiranya maqasid yang ingin diaplikasikan itu tiada asas yang kukuh daripada sumber asalnya. Oleh yang demikian, secara khususnya kajian ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu apakah kekhilafan yang berlaku ketika menerapkan maqasid syari'ah dalam ijtihad.

## 2. SOROTAN DAN METODOLOGI

Penulis telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop *Ijtihad Maqasidi* bagi memperkuatkan lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan kajian Ahm Mustapha, Engku Muhammad Tajudin dan Mohd Kamarul (2019) bertajuk, "Kepentingan Maqasid Syari'ah dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia". Objektif kajian ini ialah mengenal pasti keputusan-keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah* dan seterusnya menganalisis elemen *kulliyat al-khams* dalam keputusan-keputusan tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan metode penerokaan dengan kaedah pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan. Analisis data adalah dengan menggunakan metode analisis kandungan dokumen dan hasil dapatan menunjukkan bahawa maqasid syari'ah diambil kira sebagai salah satu pertimbangan dalam mengukur *darurah* yang dialami. Daripada 31 keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah*, elemen *kulliyat al-khams* dinyatakan dengan tepat mengikut kategori. Kajian ini merumuskan bahawa maqasid syari'ah perlu dititikberatkan dalam pengeluaran hukum semasa terutama yang melibatkan isu *darurah*. *Darurah* yang dialami perlu dikenal pasti kesannya terhadap elemen *kulliyat al-khams* bagi memastikan keputusan hukum selari dengan maqasid yang digariskan dalam syarak. Kajian ini berbeza dengan kajian penulis kerana ia tertumpu kepada penerapan maqasid dalam fatwa, adapun penulisan ini adalah sebaliknya kerana melihat kepada khilaf yang berlaku dalam penerapan maqasid.

Seterusnya adalah artikel jurnal yang pernah ditulis oleh Andriyaldi (2013) bertajuk "*Ijtihad Maqasidi* (Kontekstualisasi Teori Maqasid Syari'ah di Era Modern)" turut disoroti penulis. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kepentingan *Ijtihad Maqasidi* dalam penyelesaian hukum-hakam Islam pada zaman moden. Reka bentuk kualitatif diadaptasikan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dalam kaedah pengumpulan dan analisis data. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tujuan utama *Ijtihad Maqasidi* ini adalah untuk menghasilkan hukum Islam yang merealisasikan maslahat dalam sistem kehidupan manusia di samping *masalik al-ijtihad* itu mestilah menjadi pegangan seseorang mujtahid ketika berijtihad. Masih banyak persoalan-persoalan lain dalam bidang perubatan dan muamalah yang memerlukan kajian khusus dengan mempertimbangkan kemaslahatan bagi seseorang dan memperhatikan pertimbangan-pertimbangan syar'i (fiqh al-muwazanah dan fiqh al-awlawiyat). Kajian ini turut mengetengahkan kepentingan *Ijtihad Maqasidi* dalam hukum Islam dan ia tidaklah tertumpu kepada khilaf penerapan maqasid dalam berijtihad.

Kajian terakhir yang turut disoroti penulis adalah daripada Mansor Sulaiman, Azizurrahman, Fatmawati Latada, Hasan Ahmad dan Mohamad Hilmi (2016) dengan kertas kerja mereka bertajuk "*Ijtihad dan Perkaitannya dengan Maslalah: Suatu Kupasan*". Objektif kajian ini ialah untuk menjelaskan perkaitan antara ijtihad dengan maslahat dengan mengadaptasikan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis dokumen dalam kaedah pengumpulan dan analisis data. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penelitian maslahat itu perlulah merujuk kepada sandaran nas dan bukan hanya berasaskan kepada akal semata-mata. Kesilapan dalam mengenal pasti sandaran nas yang ingin dikaitkan dengan maslahat ketika berijtihad adalah mengundang kesilapan dalam penentuan hukum-hakam. Kajian ini hanya menjelaskan tentang perkaitan maslahat dengan ijtihad dan seterusnya mengemukakan beberapa contoh aplikasi maslahat dalam berijtihad. Adapun kajian penulis ini tidaklah berfokus kepada persangkutan antara maslahat dan maqasid sahaja, bahkan tertumpu kepada kekhilafan menerapkan maqasid dalam ijtihad.

Selain daripada kajian-kajian lepas yang telah disoroti penulis, perincian berkaitan dengan metodologi kajian dalam menyelesaikan kajian ini turut dihuraikan agar hasil dapatan mencapai objektif dan persoalan kajian. Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana sesebuah kajian itu ingin dijalankan dengan menghasilkan dapatan yang berkualiti untuk dimanfaatkan bersama (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Oleh itu, penulis telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang telah digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah

tertentu daripada tiga aspek penting iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Menurut Creswell (2009), reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metode kajian.

Oleh itu, falsafah di sebalik kajian penulis ini adalah interpretif iaitu berupaya untuk menjelaskan, memahami dan menafsirkan suatu makna dan simbol yang dimunculkan oleh responden dalam satu-satu realiti sosial yang dikaji (Rasalina, 2017). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Menurut Miles dan Huberman (1994), kajian kualitatif ialah satu reka bentuk kajian yang berasaskan kepada *by word and picture* atau satu kajian yang dibuat menggunakan huraihan dan pelaporan secara *verbatim* (ayat demi ayat atau frasa demi frasa) tanpa sebarang cerapan statistik. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data pula penulis telah mengadaptasikan kaedah analisis kandungan dokumen dalam kajian ini. Menurut Creswell (2009), proses analisis data ini juga turut merupakan salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif.

### 3. KONSEP IJTIHAD MAQASIDI

Istilah *Ijtihad Maqasidi* bukanlah satu istilah yang janggal dan asing bagi penuntut ilmu *Usul al-Fiqh*. Hal ini adalah kerana peranan maqasid dalam ijтиhad itu tidak dapat tidak, mestilah sentiasa didampingi dalam semua hal ehwal fatwa dan ijтиhad. Benarlah kata al-Sayuti bahawa:

"مقاصد الشرع قبلة المجتهدین، من توجه إلى جهة منها، أصاب الحق"

Maksudnya: "*Maqasid syari'ah itu adalah kiblat para mujtahid, sesiapa yang menghadap ke arahnya, nescaya dia telah menepati kebenaran*" (al-Sayuti, 1983, hlm. 181).

Hal ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya penerapan maqasid syari'ah itu dalam ijтиhad. Para sarjana usul telah banyak menghasilkan pelbagai nukilan ilmiah dalam membincangkan peranan mahupun kepentingan maqasid syari'ah dalam ijтиhad. Sehingga ada di antara mereka yang meletakkan syarat memahami maqasid syari'ah itu adalah sebagai syarat asas selain memahami dan mengusai al-Quran dan al-Sunnah dalam berijтиhad (Namlah, 2009). Tidak jauh bezanya juga dengan teori ijтиhad yang dibawa oleh tokoh maqasid syari'ah iaitu al-Syathibi (790H). Beliau merupakan orang pertama daripada sarjana usul terawal yang menjadikan ilmu maqasid

syari‘ah itu sebagai syarat pertama yang harus dipenuhi untuk mencapai darjat ijтиhad (Raysuni, 2014). Oleh kerana itu, penulis mengetengahkan istilah mahupun teori ini dalam pengeluaran fatwa bertepatan dengan kehendak *Ijtihad Maqasidi*. Ia sekali gus memandu sesuatu fatwa yang dikeluarkan itu menepati semua elemen di dalam maqasid syari‘ah.

Perkataan *Ijtihad Maqasidi* merupakan satu istilah yang berasal daripada dua perkataan yang berbeza maksudnya iaitu ijтиhad dan maqasid. Pada sudut bahasa, perkataan ijтиhad (اجتہاد) adalah diambil daripada Bahasa Arab yang datang dalam bentuk *masdar* iaitu kata terbitan daripada kata akarnya “ja-ha-da” (جـهـاد) (Ghalayayni, 1986). Perkataan (جـهـاد) itu membawa maksud (الوسع والطاقة) iaitu kekuatan, kemampuan dan kesanggupan (Munawwir, 1997, hlm. 1558). Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan ahli bahasa yang menterjemahkan perkataan (جـهـاد) itu dengan membawa maksud bersungguh-sungguh dalam mengeluarkan daya usaha untuk mencapai tujuan (Umar, 2008). Terjemahan itu turut disokong oleh Abu Zahrah (1965) yang mana perkataan (جـهـاد) itu membawa maksud mencurahkan segala kemampuan untuk mencapai sesuatu, atau melakukan sesuatu, atau bererti pula bersungguh-sungguh. Manakala pada sudut istilah syaraknya pula, Abu Zahrah (1965, hlm. 379) menterjemahkan ijтиhad membawa maksud: "بذل الفقيه وسعه في استبطاط الأحكام العملية من ادلتها التفصيلية" faqih dalam menggali hukum-hakam yang bersifat amali daripada dalil-dalilnya yang terperinci. Manakala menurut al-Zarkashi (1992) pula, ijтиhad adalah mengerah usaha dan kesungguhan untuk mencari hukum syarak yang berbentuk praktikal dengan melakukan proses istinbat.

Adapun perkataan maqasid pula diambil daripada Bahasa Arab (مقاصد) yang merupakan kata jamak kepada (مقصد) dan (مقصد). Kedua-dua perkataan ini merupakan kata dasar mahupun kata kerja daripada perkataan “qa-sa-da” (قصد) (al-Qazwini & Ahmad, 1986). Kata kerja ini mempunyai beberapa makna antaranya ialah lurus, sederhana, berjimat cermat, berniat atau bermaksud, dan menuju kepada sesuatu (al-Fayyumi, hlm. 412). Menurut Mawardi (2010, hlm. 178-179), ia juga turut diterjemahkan sebagai menuju suatu arah, tujuan, tengah-tengah, adil dan tidak melampaui batas, jalan lurus, tengah-tengah antara berlebih-lebihan dan kekurangan. Perkataan maqasid pada sudut terminologi mahupun istilah syarak adalah merujuk kepada istilah maqasid syari‘ah (مقاصد الشريعة). Menurut Ahmad Raysuni (1992, hlm. 15), maqasid syari‘ah itu adalah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Ia disokong oleh pandangan Wahbah al-Zuhayli (1986) yang mana beliau mendefinisikan maqasid syari‘ah itu sebagai nilai, tujuan dan rahsia syarak dalam semua atau sebahagian besar hukumnya.

Daripada definisi ijтиhad dan maqasid yang dihuraikan ini, maka dapatlah penulis mendefinisikan bahawa *Ijtihad Maqasidi* itu ialah penerapan maqasid syari‘ah dalam semua proses hal ehwal ijтиhad, untuk mendapatkan hukum-hakam yang harmoni demi menjaga lima prinsip asasnya iaitu agama, jiwa, akal, keturunan mahupun harta serta menolak segala kerosakan. Takrifan ini disokong oleh al-Khadimi (2010, hlm. 31) dengan katanya, “*Ijtihad Maqasidi* itu adalah penggunaan maqasid syari‘ah, dan kupasan tentangnya, dan menghadirkan dengannya dalam proses ijтиhad fiqh. Penulis lebih harmoni memasukkan lima prinsip asas maqasid syari‘ah itu dalam mentakrifkan istilah *Ijtihad Maqasidi* ini bertujuan agar kesemua elemen maqasid syari‘ah itu perlu diambil perhatian dalam pengeluaran fatwa tanpa diabaikan salah satu daripadanya. Pun begitu, walaupun gaya bahasa penulis dalam menterjemahkan istilah *Ijtihad Maqasidi* ini agak sedikit berbeza dengan yang lainnya, namun konsep takrifannya masih kekal di atas landasan ilmiah.

#### 4. PROSES IJTIHAD MELALUI PEMAHAMAN NAS SAHAJA TANPA SADURAN MAQASID SYARIAH

Proses ijтиhad melalui pemahaman nas sahaja tanpa saduran maqasid syari‘ah bermaksud, setiap fatwa yang dikeluarkan itu disandarkan daripada nas mahupun dalil yang ditafsir pada sudut zahirnya sahaja, tanpa didukung dengan prinsip-prinsip asas dalam maqasid syari‘ah. Teori ini agak berbeza dengan teori yang digunakan oleh kebanyakan ilmuan Islam yang mana penerapan kepada maqasid syari‘ah itu adalah sangat perlu dalam memahami nas syarak. Hal ini bererti bahawa maqasid syari‘ah itu tidak boleh terpisah daripada syariat. Tambahan lagi, maqasid syari‘ah itu juga tidak boleh berlandaskan akal semata-mata, bahkan mestilah menepati syarak kerana syariat itu menyelamatkan maslahat (A. Aziz, 2016). Antara kebanyakan sarjana Islam yang menggunakan teori ini adalah Imam Ibn Hazm. Penulis agak tertarik dengan cara dan metodologi Ibn Hazm dalam mentafsirkan hadis berkaitan larangan membuang air kecil di air yang tidak mengalir. Seperti mana di dalam hadis yang pernah diriwayatkan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Janganlah seseorang daripada kalian kencing di air yang tidak mengalir, kemudian mandi daripadanya”.* (H.R. al-Bukhari: 236)

Adapun terdapat satu riwayat lain yang bermaksud:

*“Janganlah salah seorang daripada kalian kencing pada air yang tidak mengalir, kemudian berwuduk daripadanya”.* (H.R. al-Tirmizi: 68)

Walaupun teks hadis mahupun gaya bahasa daripada kedua-dua riwayat di atas agak sedikit berbeza, namun apa yang dapat difahami adalah tegahan daripada Rasulullah SAW itu adalah jelas iaitu larangan membuang air kecil pada air yang tidak mengalir untuk kegunaan berwuduk serta mandi daripadanya. Ia merupakan etika membuang air kecil yang mengandungi nilai ibadah iaitu *taharah* dan diharuskan untuk membuang air kecil sekiranya tidak digunakan untuk bersuci seperti berwuduk, mandi dan mencuci pakaian (Nurdiana, 2013). Perkara ini juga pandangan yang digunakan oleh majoriti mujtahid sehingga mereka mengeluarkan hukum haram ke atasnya.

Namun begitu, Ibn Hazm agak sedikit berbeza dengan pandangan jumhur ulama dalam hal ini. Beliau berpendapat bahawa, jika seseorang itu membuang air kecil di luar daripada air tersebut, kemudian air kencing itu mengalir ke dalamnya, maka dibenarkan baginya untuk berwuduk dan mandi daripada air tersebut (Ibn Hazm, 2001, hlm. 164). Menurut Ibn Hazm (2001), adalah tidak menjadi masalah sekiranya seseorang itu berwuduk dan mandi dengan menggunakan air yang telah dialiri dengan air kencing itu kerana asalnya air kencing itu bukan dikencing pada air wuduk itu bahkan di luar. Walaupun agak pelik dengan tafsiran ini, namun itulah yang berlaku dalam teori ini yang ingin disampaikan oleh penulis. Hal ini sekali gus memberikan perbezaan hukum yang dikeluarkan oleh mujtahid daripada hadis ini.

Penulis berpandangan bahawa tafsiran yang dibawa oleh Ibn Hazm tidak ada saduran maqasid syari‘ah. Hal ini adalah kerana asas dan tujuan halangan mahupun larangan kencing pada air itu adalah untuk mengelakkan diri daripada menggunakan air yang menanggung najis. Sememangnya benar bahawa larangan kencing itu hanya pada air yang tidak mengalir, namun tidak ada bezanya sekiranya najis itu kekal mengaliri ke dalam air itu walaupun dikencing di luar. Ia tetap menanggung najis tersebut. Najis adalah zat yang merosakkan kesucian dalam satu-satu ibadat. Sekiranya air najis digunakan dalam hal ehwal kesucian, maka ia terbatal dan sekali gus merosakkan prinsip dan perundangan agama. Menurut Izhar Ariff (2018), najis (tinja) manusia ialah sesuatu benda atau perkara yang dipandang keji dalam Islam kerana dianggap sebagai bahan buangan manusia. Hal ini kerana, tinja termasuk dalam kategori najis yang bermaksud kotoran yang menyebabkan sembahyang dan tawaf yang didirikan tidak sah (Al-Sharbini, 1994).

Apatah lagi ia memberikan keburukan kepada diri manusia itu. Barangkali air najis yang digunakan itu boleh membawa bakteria dan menyebarkan

virus kepada tubuh manusia. Ia seperti air bawaan banjir yang kotor lagi berpenyakit apabila bercampur dengan sampah sarap, najis, serta bangkai haiwan sehingga menyebabkan bakteria berbahaya merebak ke dalam air tersebut. Misalnya patogen seperti *shigella flexneri*, *salmonella typhimurium*, *escherichia coli* dan *leptospira interorgan* (Wahid, Sharifuddin, & Ramli, 2015). Jadinya, di manakah *Hifz al-Din* dan *Hifz al-Nafs* yang diterapkan dalam memahami nas tersebut? Walaupun penulis agak tidak bersetuju dengan pandangan yang dibawa oleh Ibn Hazm dalam hal ini, namun itulah yang berlaku dalam teori ini. Sesuatu proses ijтиhad itu hanya ditafsir nas sokongannya pada zahirnya sahaja tanpa menitikberatkan penerapan dan saduran maqasid syari‘ah.

## 5. PROSES IJTIHAD MELALUI SADURAN MAQASID SYARIAH YANG BERLEBIHAN DARI PEMAHAMAN NAS

Teori ijтиhad ini merupakan teori yang boleh mengundang kepada kegoncangan akidah jika ia berterusan dijadikan sebagai metode utama dalam ijтиhad tanpa pemantauan dan garis panduan. Ia adalah proses ijтиhad melalui saduran maqasid syari‘ah yang berlebihan daripada fahaman nas. Maksudnya adalah, seseorang mujtahid itu akan mendahului maslahat dan kepentingan manusia secara berlebihan daripada fahaman nas yang dikehendaki oleh Allah SWT. Barangkali dalam sesetengah keadaan, mereka langsung mengabaikan nas dan hanya memikirkan kepentingan dan maslahat manusia semata-mata. Penulis berpandangan bahawa, teori ini agak melampaui batas dalam konsep *Ijtihad Maqasidi* yang sebenar. Hal ini adalah kerana fahaman nas daripada al-Quran dan al-Sunnah itu mestilah difahami sebaik mungkin agar maksud sebenar dapat dicapai dalam proses ijтиhad.

Mereka yang mendahului maslahat semata-mata adalah dianggap sebagai mengikut hawa nafsu dan mengabaikan nas. Hal ini bererti, pembinaan hukum yang berdasarkan maslahat semata-mata dan bukan daripada sumber al-Quran dan al-Sunnah, akan membuka ruang kepada pengeluaran hukum-hakam berdasarkan hawa nafsu. Oleh itu, menggunakan alasan maslahat tanpa berpegang kepada nas, kadang-kala akan mengakibatkan penyimpangan daripada hukum syariat dan memberikan mudarat kepada masyarakat (Bhari, 2010). Golongan ini hanya mentafsirkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dengan menggunakan logik akal semata-mata dan memberikan alasan dengan menjaga prinsip maqasid syari‘ah tanpa sumber yang sahih. Kesannya, perbezaan hukum yang ketara akan berlaku dan seterusnya mengelirukan umat sezaman. Sebagai contohnya seperti dalam hadis Rasulullah SAW yang pernah diriwayatkan oleh Imam Bukhari dengan maksudnya:

*“Aku telah melihat Nabi SAW kencing, kemudian baginda mengambil wuduk dan menyapu air di atas kedua-dua khufnya”. (H.R. Al-Bukhari: 381)*

Daripada hadis ini, sebahagian ahli kalam mempersoalkan tentang menyapu di atas *khuf* dan bukan di bawah *khuf* iaitu di telapak kaki. Mereka berpandangan bahawa, adalah tidak logik dan agak pelik bagi sesiapa yang menyapu di atas *khuf*, sedangkan kotorannya adalah di bawah *khuf*. Sesungguhnya Islam itu adalah agama rasional tetapi tidak semuanya mampu diterima oleh akal manusia dan ada beberapa hal yang ia harus diterima dengan iman (Janah, 2020). Atas sebab itu mereka tidak sependapat dengan hadis yang diutarakan penulis di atas lantas menyapunya hanya di bawah *khuf*, memandangkan tapak kakilah yang digunakan ketika seseorang itu berjalan mahupun berlari. Penulis mengkritik keras ke atas pandangan ini kerana berlebih-lebihan dalam menjaga maslahat sehingga mengabaikan nas yang jelas di dalam hadis Nabi SAW.

Sebagai seorang muslim yang beriman, adalah menjadi kewajipan untuk mempercayai dengan penuh keimanan kepada seruan dan larangan yang telah disebutkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini penting walaupun tidak semua seruan dan larangan itu diketahui tujuan dan matlamatnya. Adalah mustahil bagi setiap pensyariatan yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah itu terdapat tujuan dan matlamat yang diketahui secara langsung oleh setiap muslim. Ia adalah disebabkan sifat akal manusia itu yang sangat terbatas dalam memikirkan sebab dan tujuan sesuatu pensyariatan itu disyariatkan. Oleh yang demikian, setiap muslim adalah wajib untuk mempercayai dengan penuh keimanan ke atas semua nas yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah tanpa mempersoalkan tujuan dan matlamatnya tanpa sandaran hujah yang kukuh.

Sebagai contoh lainnya pula, penulis tertarik dengan kisah yang pernah dinukilkan oleh Yusuf al-Qaradawi (1989) di dalam kitabnya *al-Ijtihad al-Mu'asir bayn al-Indibat wa al-Infirat* tentang seorang ilmuan yang berlebih-lebihan dalam mendahului maqasid daripada nas. Ia berlaku ketika Persidangan Pemikiran Islam yang ke-17 di Algeria, yang mana terdapat sekumpulan orang Islam dari Amerika yang turut menghadirinya. Mereka mengadu kepada Zafir al-Qasimi yang merupakan salah seorang pembentang ketika itu tentang kerumitan mereka dalam melakukan solat Jumaat pada hari Jumaat. Mereka menambah lagi dengan memberikan alasan bahawa pada hari Jumaat merupakan hari bekerja dan menyusahkan mereka dalam menunaikannya. Sekiranya dikekalkan juga pada hari tersebut, kebarangkalian yang hadir menunaikan solat Jumaat adalah sedikit

jumlahnya. Sehubungan dengan itu, mereka mencadangkan agar kewajipan solat Jumaat itu dipindahkan ke hari Ahad kerana hari Ahad merupakan hari cuti bekerja dan orang ramai yang beragama Islam akan turut menunaikannya. Lantas Zafir al-Qasimi mengutarakan pandangannya dengan membenarkan pertukaran hari untuk menunaikan solat Jumaat pada hari Ahad memikirkan kepada maslahat dan kepentingan umat Islam.

Menurut penulis, ini adalah bukti jelas yang menunjukkan bahawa Zhafir Al-Qasimi mendahului maslahat mahupun maqasid secara berlebihan tanpa memahami nas yang telah qat'i di dalam al-Quran. Allah SWT telah jelas berfirman di dalam al-Quran dengan maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, apabila diserukan azan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi untuk mengingati Allah dan tinggalkanlah jual-beli, yang demikian adalah baik bagi kamu jika kamu mengetahui”.* (Q.S. Al-Jumu'ah: 62:9)

Oleh sebab itulah penulis tidak bersetuju dengan pandangan yang dibawa oleh Zafir al-Qasimi dalam hal ini kerana ia jelas bercanggah dengan perintah dan arahan Allah SWT di dalam al-Quran. Arahan tersebut adalah jelas kerana dihadiri dengan *fi'il amar* yang membawa kepada kewajipan setiap orang yang beriman untuk menunaikan solat pada hari Jumaat walaupun kewajipannya itu terdapat khilaf ulama' mazhab tentang tuntutan ke atas wanita untuk menunaikannya. Hal ini adalah disebabkan kehadiran lafaz umum pada lafaz "orang-orang yang beriman" tidak ditakhsiskan dengan nas yang lain. Namun, apa yang pasti adalah kewajipan menunaikan solat Jumaat adalah merupakan tuntutan yang qat'i tanpa bantahan oleh jumhur ulama'.

Seterusnya penulis datangkan pula peristiwa sejarah yang pernah dirungkai pada zaman Tahir Ibn 'Ashur yang merupakan salah seorang alim muta'akhirin yang faqih dalam ilmu maqasid syari'ah. Peristiwa ini dikisahkan oleh Bourguiba 'an Ramadan (1961) di dalam *al-Nas al-Asli li Khitab*. Diceritakan bahawa pemimpin Tunisia ketika itu telah menyeru rakyatnya untuk meninggalkan puasa pada bulan Ramadhan. Hal ini adalah kerana puasa pada bulan Ramadhan boleh menjelaskan kualiti dan produktiviti kerja dalam kalangan rakyat di Tunisia (Shawqi, t.t). Tahir Ibn A'syur diminta dan diarah untuk mengeluarkan fatwa pada ketika itu selari dengan arahan yang telah dikeluarkan oleh pemimpin tersebut. Namun begitu, beliau kekal dengan nas yang telah jelas di dalam al-Quran yang telah difirmankan oleh Allah SWT dengan maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa”. (Q.S. Al-Baqarah: 2:183)*

Pensyariatan berpuasa itu tidaklah terbuka pintu ijtihadnya kerana nas pensyariatannya adalah jelas lagi qat'i. Mana mungkin hal yang qat'i itu harus dijadikan bahan fatwa oleh Tahir Ibn 'Ashur ketika itu. Tambahan lagi, lafaz "kutiba" yang terdapat di dalam ayat tersebut merupakan lafaz lain yang menunjukkan arahan perintah walaupun lafaz itu bukanlah dihadiri dengan lafaz amar yang secara mutlak membawa maksud perintah.

Adapun contoh yang terakhirnya pula, penulis turut datangkan peristiwa yang berlaku di Tunisia yang pernah diceritakan oleh Imam Ibn Baz (2009) di dalam *Hukm al-Islam fi Man Za'am anna al-Qur'an Mutanaqid aw Mushtamil*. Ia adalah berkaitan dengan peristiwa bekas Presiden Tunisia yang mana beliau telah menyeru kepada rakyatnya agar menguruskan hal harta pusaka mereka agar disama-ratakan di antara anak lelaki dan anak perempuan. Beliau berhujah dengan pandangan sedemikian adalah kerana melihatkan kepada konsep keadilan yang mesti diwujudkan dalam persaudaraan. Beliau turut menambah bahawa perkembangan hukum-hakam itu dilihat kepada perubahan zaman yang berlaku. Jika dahulu, mungkin anak-anak perempuan diberikan harta pusaka yang lebih sedikit daripada anak lelaki kerana anak-anak perempuan zaman dahulu dikebumikan hidup-hidup. Dan jika diberikan harta kepada mereka, sudah pasti akan mensia-sikan mereka. Namun pada zaman sekarang, tidak ada lagi pembunuhan hidup-hidup itu berlaku dalam kalangan mereka.

Oleh yang demikian, pada pandangan Habib Bourguiba, tiada asas lagi jika nas itu diteruskan dalam hal pembahagian harta pusaka kepada mereka. Kenyataan ini juga merupakan suatu yang jelas bertentangan dengan nas al-Quran, yang mana Allah SWT pernah berfirman yang bermaksud:

*“Allah perintahkan kamu mengenai pembahagian harta pusaka untuk anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan”. (Q.S. Al-Nisa': 4:11)*

Daripada contoh-contoh yang didatangkan oleh penulis di atas, ia jelas menunjukkan bahawa terdapat juga sebahagian golongan yang jelas berlebih-lebihan dalam mendahului maqasid daripada nas. Penulis akui bahawa setiap saranan yang dibawa di dalam contoh-contoh yang dinyatakan penulis di atas terdapat kepentingan dan kebaikannya kepada umat, namun sandaran dalil dan nas itu tidak boleh sama sekali diketepikan. Terdapat juga beberapa

perkara yang perlu dipertimbangkan dalam *Ijtihad Maqasidi* antaranya memastikan maqasid syari‘ah yang jelas dan ditetapkan selari dengan nas syarak, memahami kedudukan sesuatu perkara itu sebagai matlamat (maqasid) atau sekadar jalan (*wasa’il*), membezakan perkara yang tetap (*thawabit*) dan yang berubah-ubah (*mutaghayyirat*), menekankan kaedah-kaedah maqasid serta meraikan kemaslahatan (Roselea, Meeranganib, Haruna, & Ariffin, 2021).

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan dua sumber asas yang mesti dipatuhi. Tanpa kedua-duanya maka kecelaruan dan pintu kesesatan akan terbuka luas dan akhirnya menggoyahkan akidah umat Islam. Ia bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Aku tinggalkan kepada kalian dua perkara, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya kedua-dua ini dipegang teguh, maka kalian tidak akan sesat selamanya”.* (H.R. Malik: 678/3338)

Hal ini bererti bahawa al-Quran itu bagi orang yang beriman kepada Allah SWT. Di dalamnya terkandung hukum-hakam dan peraturan hidup bagi mengatur hidup manusia. Di samping al-Quran, hadis Nabi SAW juga diangkat sebagai sumber perundangan Islam. Ia berfungsi sebagai penerang, penjelas dan penguat kepada al-Quran. Oleh yang demikian, kedua-dua sumber asas dalam pensyariatan Islam ini perlulah menjadi sandaran utama dalam mengenal pasti tujuan, matlamat, maslahat mahupun maqasid sesuatu syariat yang diturunkan ke atas hambanya. Ia adalah penting agar umat Islam tidak sewenang-wenangnya melakukan kekhilafan dalam pengeluaran hukum dan fatwa atas alasan mendahului maslahat dan maqasid syari‘ah. Sesungguhnya, kedua-dua sumber ini merupakan penyelamat atau perisai bagi umat Islam daripada ajaran sesat (Zaki, 2008).

## 6. KESIMPULAN

*Ijtihad Maqasidi* ialah penerapan maqasid syari‘ah dalam semua proses hal ehwal ijтиhad untuk mendapatkan hukum-hakam yang harmoni demi menjaga lima prinsip asasnya iaitu agama, jiwa, akal, keturunan mahupun harta, serta menolak segala kerosakan. Dalam memastikan sesuatu ijтиhad itu benar-benar mencapai matlamat dan tujuan syaraknya, terdapat dua keadaan mahupun kecelaruan penerapan maqasid yang perlu dielakkan ketika berijтиhad. Pertama ialah mengelakkan proses ijтиhad melalui pemahaman nas sahaja tanpa saduran maqasid syari‘ah dan kedua ialah mengelakkan proses ijтиhad melalui saduran maqasid syari‘ah yang berlebihan daripada pemahaman nas. Kecelaruan dalam menerapkan maqasid syari‘ah ketika

berijtihad mengundang kepada kepincangan fatwa dan seterusnya mengundang kemunculan fatwa yang tidak harmoni.

## 7. REFERENCES

- A. Aziz, S. (2016). Maqasid al-Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Perbahasan Awal. *Jurnal Kanun*.
- Abu Zahrah, M. (1965). *Usul al-Fiqh*. Mesir: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Fayyumi, A. I. (t.t). *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir* (Jld. 7).
- Al-Khadimi. (2010). *Ijtihad Maqasidi* (ed. Pertama). Dar Ibn Hazm.
- Al-Qaradawi, Y. (t.t). *Al-Ijtihad al-Mu'asir Bayn al-Indibat wa al-Infirat*. Dar Al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Al-Qazwini, I. F., & Ahmad, A. a.-H. (1986). *Mujmal al-Lughah* (Jld. 3). (Z. A.-M. Sultan, Ed.) Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Sayuti, J. (1983). *Al-Radd 'ala Man Akhlag ilia al-Ard*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.
- Al-Sharbini. (1994). *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Zarkashi, M. (1992). *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Hurghada: Dar Al-Sofwah.
- Al-Zuhayli, W. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami* (Jld. 2). Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Bhari, A. B. (2010). *Maslahah Sebagai Satu Justifikasi Terhadap Keharusan Sambutan Maulidur Rasul di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ghalayayni, M. (1986). *Jami' al-Durus al-'Arabiyyah*. Beirut: Manshurat al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn Baz, '.-A. (t.t). *Hukm al-Islam fi Man Za'am Ann al-Qur'an Mutanaqid aw Mushtamil 'ala Ba'd al-Khurafat*. Didapatkan Ogos 4, 2018, daripada <http://www.binbaz.org.sa/mat/8204>
- Ibn Hazm, A. I. (2001). *Al-Muhalla Sharh al-Mujalla* (ed. Ketiga, Jld. 1). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Janah, R. (2020). *Aliran Kalam Jabariah Dan Mu'tazilah*. STAI Binamadani Tangerang.

Kashim, M. I., Hasim, N. A., Othaman, R., Khalid, R., Samsudin, M. A., Yahaya, M. Z., . . . Zin, D. M. (2018). Najis (Tinja) Manusia daripada Perspektif Sains dan Islam Serta Amalan Pemakanan Sunnah. *Jurnal Sains Malaysiana*.

Mawardi, A. I. (2010). *Fiqh Minoritas Fiqh al-Aqliyyat dan Evolusi Maqasid al-Syariah dari Konsep ke Pendekatan*. Yogyakarta.

Munawwir, A. W. (1997). *Al-Munawwir Kamus Arab-Indonesia Terlengkap*. Surabaya: Pustaka Progresif.

Namlah, A. K. (2009). *Al-Muhadhdhab fi 'Ilm Usul al-Fiqh al-Muqarin* (ed. Kelima). Riyadh: Maktabah al-Rushd.

Nurdiana, L. (2013). *Analisis Isi Pesan Dakwah dalam Acara Kajian Kitab Kuning "Shahih Bukhari"* di TVRI. UIN Syarif Hidayatullah.

Raysuni, A. (1992). *Nazariyyah al-Maqasid 'Ind al-Imam al-Shatibi*. Al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.

Raysuni, A. (2014). *Nazariyyah al-Maqasid 'Ind al-Imam al-Shatibi*. Kaherah: Dar al-Kalimah.

Roselea, M. I., Meeranganib, K. A., Haruna, M. S., & Ariffin, M. F. (2021). Ijtihad Semasa di Malaysia: Tinjauan Terhadap Konsep dan Keperluannya. *Jurnal UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*.

Shawqi, A.-H. B. (t.t). *Al-Nass al-Asli li Khitab*. Didapatkan Ogos 4, 2018, daripada alawan.org: <http://www.alawan.org>

Umar, A. M. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. 'Alam al-Kutub.

Wahid, H. A., Sharifuddin, N. M., & Ramli, M. A. (2015). Penggunaan Air Banjir Ketika Bencana Banjir: Kajian Menurut Perspektif Halal Haram. *International Convention on Islamic Management 2015*. Universiti Malaya.

Zaki, E. A. (2008). *Apa Itu Islam? Menerangkan Islam Secara Mudah dan Lengkap.* PTS.

**Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.